

KOLEJ MARA BANTING SELANGOR



SOAL JAWAB PROGRAM PENGAJIAN INTERNATIONAL BACCALAUREATE

PROGRAM PENGAJIAN INTERNATIONAL BACCALAUREATE

1. APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PROGRAM IB?

IB ialah singkatan bagi International Baccalaureate yang merupakan program pra-universiti yang mengambil masa selama 4 semester. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web <http://www.ibo.org>

2. APAKAH BADAN YANG MENGENDALIKAN PROGRAM IB?

Program IB dikendalikan oleh International Baccalaureate Organisation (IBO) yang merupakan badan bukan kerajaan dan beribu pejabat di Geneva, Switzerland. Pejabat yang menguruskan semua hal berkaitan dengan peperiksaan dan kurikulum IB, iaitu IBCA, terletak di Cardiff, United Kingdom.

3. ADAKAH PENAWARAN PROGRAM IB TERHAD DI NEGARA-NEGARA TERTENTU SAHAJA?

Tidak. Sehingga 2006, terdapat 1742 IB World Schools yang menawarkan program IB di 122 negara.

4. APAKAH BAHASA PENGHANTAR YANG DIGUNAKAN DALAM PROGRAM IB?


Tiga bahasa utama yang digunakan ialah Bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol. Bahasa penghantar yang digunakan di Kolej MARA Banting ialah Bahasa Inggeris.

5. SELAIN DARIPADA KOLEJ MARA BANTING, APAKAH INSTITUSI LAIN YANG JUGA MENAWARKAN PROGRAM IB DI MALAYSIA?

Kolej MARA Banting merupakan institusi terulung yang menawarkan program IB di Malaysia untuk pelajar-pelajar tempatan. Institusi lain yang juga menawarkan program IB ialah International School of Kuala Lumpur, Mont Kiara International School, International School Penang (Uplands), dan baru-baru ini Sri KDU dan Kolej MARA Seremban.

6. APAKAH KURIKULUM IB?

Kurikulum IB boleh dipaparkan melalui bentuk heksagon yang mewakili 6 bidang akademik mengelilingi satu pusat. Pelajar didedahkan kepada 2 tradisi agung pembelajaran : sains dan kemanusiaan.



Subjek-subjek berikut ditawarkan di Kolej MARA Banting:

Kumpulan 1 – ***'Language A' (bahasa ibunda) termasuk Kajian Sastera Dunia yang terpilih***

Subjek yang ditawarkan ialah Malay A1.

Kumpulan 2 - ***'Language B' (bahasa kedua)***

Subjek yang ditawarkan ialah English B.

Kumpulan 3 - ***Individu dalam Masyarakat***

Subjek yang ditawarkan ialah Business & Management, Economics dan InformationTechnology in a Global Society (ITGS).

Kumpulan 4 - ***Sains Amali***

Subjek yang ditawarkan ialah Biologi, Kimia dan Fizik.

Kumpulan 5 – **Matematik**

Subjek yang ditawarkan ialah Matematik.

Kumpulan 6 - Subjek yang ditawarkan ialah subjek-subjek daripada Kumpulan 3 atau 4.

Selain daripada subjek-subjek di atas, 3 komponen tambahan yang diwajibkan ialah :

- i. 'Extended Essay ' daripada satu subjek yang ditawarkan dalam kurikulum IB
- ii. 'Theory of Knowledge' (ToK)
- iii. 'Creative, Action and Service' (CAS)

7. BAGAIMANAKAH KOMBINASI SUBJEK DITENTUKAN?

Para pelajar yang mengikuti dan memenuhi syarat program IB di Kolej MARA Banting akan menerima Diploma IB. Setiap pelajar dikehendaki mempelajari 6 subjek: satu subjek daripada tiap-tiap kumpulan 1-5 dan subjek keenam dipilih daripada kumpulan 3 atau 4 atau

Daripada 6 subjek di atas, pelajar mestilah mengambil 3 (tidak melebihi 4) daripada subjek tersebut pada peringkat 'higher level' dan 3 (tidak kurang dari 2) pada peringkat 'standard level'.

Pengambilan subjek-subjek 'higher level' berhubung rapat dengan bidang pengajian yang bakal diikuti pada peringkat ijazah nanti.

8. APAKAH PERBEZAAN DI ANTARA SUBJEK 'HIGHER LEVEL' DAN 'STANDARD LEVEL'?

Perbezaan ini dapat dilihat daripada jumlah peruntukan masa. Subjek 'higher level' memerlukan masa perjumpaan atau kuliah minima sebanyak 240 jam manakala 'standard level' memerlukan masa perjumpaan minima sebanyak 150 jam sepanjang tempoh 2 tahun.

9. MENGAPAKAH PELAJAR PERLU MEMPELAJARI SASTERA DUNIA MALAY A1 SEDANGKAN PROGRAM IB DIKENDALIKAN DALAM BAHASA INGGERIS?

Untuk menggalakkan pelajar mendalami budaya masing-masing. Pelajar seharusnya berbangga dengan warisan sastera bahasa ibunda dan pada masa yang sama menghormati budaya masyarakat antarabangsa. Pembelajaran Sastera Dunia ('World Literature') dapat memanfaatkan pelajar IB dari sudut perspektif global. Ia memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan 'world spirit' melalui keunikan peluang yang ditawarkan oleh bermacam kaedah apresiasi yang mana budaya mempengaruhi dan membentuk pengalaman hidup manusia sejagat.

10. APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN 'EXTENDED ESSAY'?

'Extended Essay' merupakan komponen dalam kurikulum Program Diploma IB yang mewajibkan pelajar menulis esei sepanjang 4000 patah perkataan berdasarkan topik kajian yang dipilih. Ia bertujuan memberi peluang kepada setiap pelajar untuk menjalankan penyelidikan terhadap topik yang diminati. Pelajar diperlukan membiasakan diri dengan penyelidikan sendiri dan penulisan akademik yang dipraktikkan di peringkat universiti. IBO mengesyorkan pelajar menumpukan 40 jam untuk penyelidikan dan penulisan esei.

11. **APAKAH KEPENTINGAN 'EXTENDED ESSAY'?**

Pertama, memandangkan ia adalah komponen wajib, kegagalan menghantar 'Extended Essay' bermakna pelajar tidak layak memperolehi diploma.

Kedua, melalui pengalaman, kami mendapati pihak universiti sentiasa cenderung terhadap penghasilan 'Extended Essay' dan bagi sesetengah kes, ini menjadi faktor utama dalam membantu pelajar memperolehi kemasukan ke bidang kursus yang mencabar seperti perubatan.

Ketiga, maklumbalas daripada bekas pelajar menunjukkan pengalaman menghasilkan 'Extended Essay' semasa mengikuti program IB membantu dalam penghasilan mini-tesis pada peringkat universiti memandangkan mereka telah pun mempunyai asas teras penyelidikan sendiri.

12. **APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN 'THEORY OF KNOWLEDGE' DAN BAGAIMANAKAH PENILAIAN DIBUAT?**

'Theory of Knowledge' (ToK) merupakan komponen utama dalam falsafah pendidikan IB dan oleh itu diwajibkan kepada semua pelajar. Penawaran ToK adalah bertujuan untuk merangsang pemikiran kritikal baik di dalam atau di luar bilik kuliah.

Keperluan 'Theory of Knowledge' adalah sebagai subjek teras IB yang menghubungkan semua subjek-subjek yang ditawarkan di dalam kurikulum IB. Oleh kerana setiap bidang ilmu mempunyai komposisi dan metodologinya yang tersendiri, melalui subjek ToK ini, pelajar akan dibantu untuk meneliti konsep ilmu dan mengenalpasti nilai-nilai yang diterapkan dalam subjek yang berbeza. Penilaian 'Theory of Knowledge' adalah seperti berikut:

- 1- 'Internal Assessment' – persembahan oral selama 10 minit
- 2- 'External Assessment' – penulisan esei sebanyak 1600 patah perkataan

13. APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN AKTIVITI CAS?

CAS adalah singkatan untuk 'Creative', 'Action', dan 'Service'. Aktiviti CAS merangkumi aktiviti yang berorientasikan kreativiti pergerakan fizikal dan khidmat masyarakat.

Aktiviti CAS berfungsi sebagai pelengkap kepada pencapaian akademik pelajar. CAS menyediakan ruang untuk para pelajar belajar melalui pengalaman dan mengembangkan potensi serta kemahiran yang terdapat dalam diri mereka.

Melalui penglibatan pelajar di dalam pelbagai aktiviti CAS (dalam kampus, luar kampus dan semasa cuti semester), mereka akan memperolehi faedah-faedah berikut:

- 1- mempunyai keyakinan diri yang tinggi
- 2- menghormati/menghargai pelbagai nilai dan kepercayaan merentasi kaum, adat, budaya, agama, jantina dan politik.
- 3- kesedaran diri yang tinggi terhadap isu-isu kemanusiaan, alam sekitar dan sebagainya dari perspektif masyarakat setempat, negara dan antarabangsa.
- 4- berkebolehan untuk berinteraksi secara berkesan dan bermakna dengan orang lain.
- 5- kesedaran diri yang tinggi tentang tanggungjawab terhadap masyarakat.
- 6- berkebolehan untuk mengimbas kembali dan mempelajari sesuatu daripada pengalaman yang diperolehi.
- 7- semangat yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baru dengan penuh komited, berinisiatif dan penuh keyakinan.
- 8- berkebolehan untuk menempuh segala cabaran hidup dan sentiasa bersedia untuk memperbaiki kelemahan diri.
- 9- memperolehi kepakaran atau kebolehan tertentu yang boleh dimanfaatkan untuk membantu orang lain dan kerjaya pada masa hadapan.

14. BAGAIMANA PENGGREDAN DIBUAT?

Setiap subjek diberi gred 1 hingga 7 :

7 - EXCELLENT	(CEMERLANG)
6 - VERY GOOD	(SANGAT BAIK)
5 - GOOD	(BAIK)
4 - SATISFACTORY	(MEMUASKAN)
3 - MEDIOCRE	(SEDERHANA)
2 - POOR	(LEMAH)
1 - VERY POOR	(GAGAL)

Jumlah mata maksimum untuk 6 subjek ialah 42.

15. BERPAKAH JUMLAH MATA MAKSIMA YANG BOLEH DIPEROLEHI?

45 (42 mata dari 6 subjek dan 3 mata matriks dari penilaian 'Extended Essay' dan 'Theory of Knowledge').

16. APAKAH SYARAT KEMASUKAN UNTUK MENGIKUTI PROGRAM IB?

Pelajar lepasan SPM atau setaraf dengannya boleh memohon untuk mengikuti program IB sekiranya memperoleh kelayakan yang ditetapkan oleh penaja.

17. BILAKAH SESI PENGAMBILAN PELAJAR-PELAJAR BARU BERMULA?

Pengambilan pelajar-pelajar baru dibuat pada bulan Jun.

18. DI NEGARA MANAKAH PELAJAR-PELAJAR BOLEH MEMOHON UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN MEREKA?

Pelajar-pelajar boleh memohon untuk memasuki institusi pengajian di negara-negara seperti United Kingdom, Ireland, Australia, New Zealand dan negara-negara lain yang ditetapkan oleh penaja.